TAWARAN BIASISWA YAYASAN TERENGGANU
PERINGKAT IJAZAH SARJANA (MASTER) & IJAZAH KEDOKTORAN (PHD)

Bidang Pengajian : Pelbagai (Sains/Kejuruteraan/Perakaunan/Undang-Undang /Ekonomi/Sains Sosial)

Pusat Pengajian : Universiti Awam (UA) Dalam Negara

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

A. SYARAT UMUM

i. Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.

ii. Pemohon dan/atau ibu/bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih juga boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.

iii. Ibu/bapa dan/atau pemohon mestilah mendaftar sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.

iv. Keutamaan kepada pemohon dari keluarga berpendapatan rendah (B40).

B. SYARAT KHUSUS

a) Program Sarjana (Master)

i. Lulus Ijazah Sarjana Muda dari universiti-universiti dan kursus yang diiktiraf (dalam dan luar negara) dengan mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.50 atau setaraf.

ii. Telah mendapat tawaran dan telah mendaftar di universiti-universiti awam dalam negara.

iii. Pengajian sepenuh masa dan tidak bekerja.

iv. Berumurtidak melebihi 28 tahun semasa memohon.

v. Bagi pemohon dari mod penyelidikan, pertimbangan hanya akan diberikan kepada calon yang telah melepasi peringkat ***Proposal Defence.***

vi. Permohonan sarjana *coursework* dan *mixed mode* iaitu pertimbangan hanya akan diberikan kepada calon semester kedua dan ke atas yang memperoleh CGPA 3.50 ke atas.

b) Program Ijazah Kedoktoran (PhD)

i. Lulus Ijazah Sarjana (Mod Penyelidikan) atau CGPA 3.50 (Mod Kerja Kursus atau Campuran) dari universiti- universiti dan kursus yang diiktiraf (dalam dan luar negara).

ii. Lulus Ijazah Sarjana Muda dari universiti-universiti dan kursus yang diiktiraf (dalam dan luar negara) dengan mendapat sekurang- kurangnya CGPA 3.00 (bidang Ikhtisas) dan 3.50 (bukan Ikhtisas)

iii. Telah mendapat tawaran dan telah mendaftar di universiti - universiti awam dalam negara.

iv. Pengajian sepenuh masa dan tidak bekerja.

v. Berumurtidak melebihi 32 tahun semasa memohon.

vi. Pertimbangan hanya akan diberikan kepada calon yang telah melepasi peringkat ***Proposal Defence.***

TAWARAN BIASISWA YAYASAN TERENGGANU
PROGRAM ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANT (ACCA)

Skim biasiswa ini diwujudkan bagi menggalakkan lebih ramai anak-anak Terengganu memperoleh kelayakan Pensijilan Perakaunan Professional dari **Association of Chartered Certified Accountant (ACCA).**

Biasiswa ini merangkumi Yuran Pengajian, Penginapan, Wang Saku dan lain-lain termasuk *Professional Bodies Fees* tertakluk kepada pengesahan bilangan kertas pengecualian dari pihak ACCA.

Tempoh pengajian/biasiswa:

i) 1 hingga 1 ½ tahun bagi Lepasan Ijazah
ii) 2 ½ hingga 3 tahun bagi lepasan Matrik JPPro/CAT/Diploma

Pusat Pengajian: Universiti Teknologi MARA (UiTM)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

A. SYARAT UMUM

i. Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.

ii. Pemohon dan/atau ibu/bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih juga boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.

iii. Ibu/bapa dan/atau pemohon mestilah mendaftar sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.

iv. Keutamaan kepada pemohon dari keluarga berpendapatan rendah (B40)

B. SYARAT KHUSUS

i. Lepasan Ijazah Perakaunan

- ✓ Memperoleh sekurang-kurangnya CGPA 3.00 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari IPT yang diiktiraf.
- ✓ Berumur tidak melebihi 28 tahun bagi pengajian sepenuh masa
- ✓ Memperolehi pengecualian 9 subjek ACCA.

ii. Lepasan Diploma Perakaunan

- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.50 Diploma Perakaunan dari IPT yang diiktiraf, kepujian Gred A dalam subjek Matematik dan sekurang- kurangnya Gred B dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.
- ✓ Berumur tidak melebihi 22 tahun.
- ✓ Memperoleh pengecualian 3 subjek ACCA.

iii. Lepasan Matrikulasi Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro)

- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.50 di peringkat Matrikulasi.
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya markah 65 (JPPro-3 Subjek ACCA).
- ✓ Berumur tidak melebihi 21 tahun.
- ✓ Memperolehi pengecualian 3 subjek ACCA.

iv. Lepasan *Foundation In Accountancy* (FIA)

- ✓ Lulusan *Foundation in Accountancy* (FIA) dengan purata markah 65% ke atas akan layak mengikuti program pengajian ACCA dengan pengecualian 3 subjek ACCA.
- ✓ Berumur tidak melebihi 21 tahun.
- ✓ Memperolehi pengecualian 3 subjek ACCA.

KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi pautan *https://ytpenajaan.terengganu.gov.my/login*

Permohonan mesti dilengkapkan dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

TEMUDUGA

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menghadiri Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

KEPUTUSAN TAWARAN

Penawaran biasiswa kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kuota, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.